

**PERBANDINGAN ANTARA SISTEM PERBANKAN ISLAM DAN SISTEM
KONVENTIONAL : KAJIAN KES-BANK MUAMALAT TAIPING**

**MUSTAFFA KAMAL B. ABD. RAHIM – 96243918
SHahrul Nizam B. Razali – 96240071
Abdul Razak B. Yahya – 96243031
Abdul Halim B. Anen – 96247819**

**FAKULTI PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERAK**

KANDUNGAN

Halaman Judul	i
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Sinopsis (B.Malaysia)	iv
Sinopsis (B.Inggeris)	v

KANDUNGAN	MUKA SURAT
------------------	-------------------

BAB SATU : PENDAHULUAN	1
1.1 : Pengenalan dan Penyataan Masalah	1
1.2 : Objektif Kajian	2
1.3 : Metodologi	3
1.4 : Hipotesis	4
1.5 : Kajian Lepas	4
1.6 : Kepentingan Kajian	5
1.7 : Sekatan Masalah	5
1.8 : Organisasi Kajian	6

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah kami panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik dan hidayahnya berjaya juga kami melengkapkan kertas projek dalam tempoh masa yang ditetapkan

Di kesempatan yang terluang ini, kami ingin merakamkan perhargaan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kertas projek ini iaitu **Professor Madya Mohd Fauzi b. Mohd Harun**, pensyarah-pensyarah yang terlibat dengan secara langsung ataupun tidak secara langsung diatas sumbangan ilmu dan perhatian mereka serta kakitangan hal ehwal akademik Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak di atas kerjasama yang telah mereka berikan kepada kami di dalam kami melengkapkan kertas projek kami ini.

Di samping itu kami juga ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka berikut diatas sumbangan idea dan material sepanjang kajian ini disiapkan. Mereka ialah **En Norazalan B. Sukaimi**(Pengurus Bank Muamalat Cawangan Taiping), **Puan Hasnah bt Abdul Manaf** (Bank Negara Malaysia – Bahagian Perpustakaan), **En Hamdi b Mohd Khatidin** (Pegawai Bahagian Penyiasatan-Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Taiping) dan **En. Abdullah b. Seibaroo** (Penuntut Jurusan Pentadbiran Kewangan Islam di International Islamic University, Islamabad, Pakistan)

SINOPSIS

KAJIAN INI ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENGENALPASTI APAKAH PERBEZAAN AMALAN YANG WUJUD DI ANTARA BANK MUAMALAT DAN BANK-BANK PERDAGANGAN DI TAIPING. KAJIANINI DIBAHAGIKAN KEPADA DUA ASPEK. ASPEK PERTAMA MERUPAKAN PERBANDINGAN DARI SEGI AKTA OPERASI BANK BAGI BANK MUAMALAT DAN BANK PERDAGANGAN. ASPEK KEDUA MERANGKUMI URUSAN PEMBAYARAN UNTUNG DAN FAEDAH – HUBUNGAN BANK DENGAN PENYIMPAN DAN PELABUR SERTA PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN URUSAN BANK YANG DISEDIAKAN SEPERTI AKAUN SIMPANAN, PEMBIAYAAN, PINJAMAN DAN SEBAGAINYA. PENGANALISAAN KE ATAS AKTA OPERASI BANK ADALAH BERDASARKAN KEPADA PEMERHATIAN KE ATAS LAPORAN-LAPORAN BULETIN BANK, LAPORAN TAHUNAN DAN SUMBER-SUMBER RUJUKAN YANG LAIN YANG BERKAITAN. BAGI ASPEK KEDUA, PENGANALISAAN DILAKUKAN BERDASARKAN KEPADA PENGIRAAN MUDAH KE ATAS AKAUN UNTUNG DAN RUGI, PEMBAYARAN DIVIDEN, DISKAUN DAN DIKAITKAN DENGAN KEPENTINGAN KEPADA PENYIMPAN, PELABUR DAN MASYARAKAT KESELURUHANNYA. WALAUBAGAIMANAPUN KAJIAN INI BUKANLAH BENAR-BENAR LENGKAP. KAJIAN INI HANYALAH BERDASARKAN KEPADA PEMERHATIAN KE ATAS LAPORAN TAHUNAN, AKTIVITI BANK DAN DIKAITKAN HUBUNGKAN AKTIVITI TERSEBUT DARI PANDANGAN ISLAM MENERUSI AL-QURAN DAN HADIS. SEMOGA DENGAN ADANYA KAJIAN INI SEDIKIT SEBANYAK DAPAT MENGHILANGKAN KERAGUAN MASYARAKAT ISLAM KE ATAS SISTEM YANG DIAMALKAN SEKARANG.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan dan Penyataan Masalah

Institusi Kewangan diMalaysia amnya dan Taiping khasnya boleh dikategorikan kepada dua bentuk iaitu bank dan institusi kewangan bukan bank. Diantaranya ialah Bank Perdagangan, Bank Simpana Nasional, Bank Pembangunan dan Bank Negara (Bank Pusat). Bank Perdagangan merupakan bank yang terbesar dan terpenting di Malaysia manakala Bank Pembangunan merupakan satu perkembangan baru yang telah berkembang dengan kadar yang paling pesat. Bank Negara Malaysia merupakan bank yang mewakili kerajaan dan membentuk dan melaksanakan dasar serta mengawal dan mengurusskan perjalanan sistem kewangan yang stabil.

Institusi kewangan bukan bank terdiri daripada Bank Saudagar, Syarikat Kewangan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) , Tabung Pencen , Rumah-Rumah Diskaun, Syarikat Kerjasama Pinjaman dan Lembaga Urusan Tabung Haji. Penjelasan yang terperinci mengenai tiap-tiap institusi kewangan yang disenaraikan di atas adalah diluar tujuan kajian penulis.